



JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN DAN KESIHATAN  
MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM

SYARAT- SYARAT LESEN IKLAN

NO DOKUMEN: MDTM/ PKL-SLI-03

NO PINDAAN : 0

TARIKH KUATKUASA : 1 NOVEMBER 2013

Contoh papan iklan yang telah diletak nombor pendaftaran perniagaan dan nombor akaun lesen serta mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Kerajaan Tempatan Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan.

<b>MALCO SDN. BHD</b>	→ a
<b>KEDAI BARANGAN ELEKTRIK</b>	→ b
IP 0236578 X	NO A/C MDTM L 1580-8 → c

Panduan :

- i. Saiz perkataan bagi ( b ) hendaklah separuh atau  $\frac{1}{2}$  daripada saiz perkataan ( a ).
- ii. Saiz perkataan bagi ( c ) hendaklah suku  $\frac{1}{3}$  daripada saiz perkataan ( a ).
- iii. Nama Perniagaan yang dipamerkan pada papan iklan mestilah mengikut nama yang tertera di dalam Pendaftaran Perniagaan atau Pendaftaran Syarikat seperti yang diluluskan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia.
- iv. Sekiranya menggunakan bahasa lain selain daripada Bahasa Melayu, saiz perkataan tersebut hendaklah tidak melebihi  $\frac{3}{4}$  daripada saiz perkataan Bahasa Melayu.
- v. Penggunaan tatabahasa haruslah tepat dan betul mengikut tafsiran Dewan Bahasa dan Pustaka.
- vi. Bagi pemegang Francais, pameran nama pemunya Francais adalah dibenarkan yang mana nama Francais adalah seperti saiz ( a ) dan lain-lain perkataan mestilah mengikut saiz seperti ( b ) dan ( c ).
- vii. Sebarang papan iklan tidak boleh mempamerkan logo atau perkataan yang mempunyai unsur-unsur negatif atau jenama-jenama yang tidak boleh diiklankan seperti minuman keras, rokok, atau yang tidak diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan.
- viii. Pemasangan papan iklan tidak boleh menutup mana-mana tingkap atau lubang angin atau mana-mana tempat yang difikirkan tidak sesuai serta menyalahi undang-undang yang digunapakai oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan lain-lain Jabatan Kerajaan.

Kegagalan pihak tuan/puan mematuhi arahan ini boleh menyebabkan lesen tuan/puan dibatalkan dan tindakan penguatkuasaan akan dikenakan.